



USUL SIDANG MUDA 2021

USUL MENCADANGKAN KERAJAAN NEGERI MEMBERIKAN KELENGKAPAN HAID SECARA PERCUMA (*FREE PERIOD PRODUCTS*) KEPADA SEMUA PELAJAR PEREMPUAN DARI KELUARGA B40 DI PULAU PINANG UNTUK MENGATASI KEMISKINAN HAID

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua

Yang Berhormat Ketua Pembangkang

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membentangkan satu usul yang **MENCADANGKAN KERAJAAN NEGERI MEMBERIKAN KELENGKAPAN HAID SECARA PERCUMA (*FREE PERIOD PRODUCTS*) KEPADA SEMUA PELAJAR PEREMPUAN DARI KELUARGA B40 DI PULAU PINANG UNTUK MENGATASI KEMISKINAN HAID.**

Kemiskinan Haid (*Period Poverty*) adalah situasi di mana seseorang perempuan/wanita atau keluarganya menghadapi kesukaran atau tidak mampu untuk memiliki kelengkapan haid seperti tuala wanita atau tampon akibat kemiskinan atau kekangan kewangan. Kemiskinan Haid (*Period Poverty*) di Malaysia juga telah mewujudkan dengan izin "*wide health gap*" dikalangan golongan B40. Walaupun tidak ada data secara spesifik mengenai "kemiskinan haid" di Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Nasional (*National Population and Family Development Board*) mengatakan keluarga B40 di Malaysia menghadapi kemiskinan haid dan kini diperingkat serius.

Walaupun Kemiskinan Haid ini bukan sesuatu yang baru namun isu ini masih kedengaran janggal di kalangan masyarakat kita apabila diketengahkan. Ketiadaan data secara spesifik mengenai "kemiskinan haid" di Malaysia juga jelas menunjukkan isu kemiskinan haid ini masih tidak diberi kepentingan dan keutamaan. Ingin saya tegaskan disini, sekiranya kita terus rasa malu atau menganggap isu ini sebagai sesuatu yang taboo dan tidak penting untuk diketengahkan, ia akan terus menjadi barah dalam masyarakat kita khususnya kepada pelajar-pelajar perempuan dari keluarga B40 dan keluarganya.

Tuan Yang diiPertua & Ahli-Ahli Dewan Yang Saya Hormati,

Bagi kelompok berisiko iaitu pelajar -pelajar perempuan dari keluarga B40, ia adalah umpama mimpi ngeri dalam menghadapi hari-hari mereka didatangi haid. Situasi ini menjadi lebih serius dan kritikal dengan pandemik COVID-19. Dalam pandemik COVID-19, sasaran utama bagi setiap keluarga ialah menyediakan makanan atas meja untuk santapan seluruh keluarga. Sekiranya keupayaan menyediakan makanan menjadi satu cabaran lebih-lebih lagi kepada golongan miskin bandar dan miskin tegar, sudah pasti penyediaan keperluan asas selain makanan termasuk kelengkapan haid adalah bebanan besar kepada golongan ini kerana di Malaysia, secara purata pek tuala wanita berharga RM10 manakala sebungkus tampon berharga RM28.00.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam International Islamic University of Malaysia (IIUM), Dr Nor Faiza Mohd Tohit berkata, "akibat kemiskinan, ada yang terpaksa menggunakan tuala wanita yang sama untuk tempoh yang lama." Lebih menyedihkan, akibat tidak mampu membeli tuala wanita, mereka hanya menggunakan kain buruk, sabut atau surat khabar lama sebagai ganti kepada tuala wanita. Ada pula yang menggunakan semula tuala wanita yang sudah dibasuh dan dikeringkan. Semua ini tidak menitikberatkan faktor kebersihan dan boleh mengundang jangkitan kuman serta masalah kesihatan kritikal kepada golongan perempuan dalam jangka masa pendek dan panjang. Kajian juga mendapati ada remaja dan kanak-kanak perempuan yang akil baligh tidak dapat hadir ke sekolah ketika didatangi haid kerana ketiadaan atau kekurangan lengkapaan haid atau hanya menggunakan alternatif lain yang tidak sesuai dan selamat. Lebih membimbangkan dan menyedihkan ada juga yang memilih untuk mengandung semata-mata kerana mahu mengelakkan kedatangan haid selama sembilan bulan.

Tuan Yang di-Pertua & Ahli-Ahli Dewan Yang Saya Hormati,

Saya juga ingin mengingatkan pembukaan sekolah selepas cuti panjang akibat pandemik COVID-19, berpontensi tinggi untuk pelajar-pelajar perempuan dari keluarga B40 untuk tidak ke sekolah dan ketinggalan dalam pelajaran kerana keluarga B40 masih lagi berhadapan dengan masalah kewangan dan kemungkinan besar mereka tidak mampu membeli kelengkapan haid bagi anak -anak perempuan mereka untuk ke sekolah. Sudah tentu, ini akan memberi kesan negatif kepada pelajar-pelajar tersebut dan keluarganya dalam pelbagai aspek. Usaha memperkasakan individu bermula ketika mereka masih muda, golongan pelajar perempuan khususnya dari golongan B40 ini wajar mendapat pendidikan sepenuhnya tanpa sebarang kekangan serta memberi tumpuan kepada pendidikan dan masa depan tanpa bimbang atau malu dengan kedatangan haid.

Oleh kerana, data dan statistik pelajar perempuan di Pulau Pinang khusus dari golongan B40 yang berumur dari tahun 10 tahun - 17 tahun tidak dapat diperolehi sekarang maka kos untuk memberi kelengkapan haid secara percuma di Pulau Pinang tidak dapat dinyatakan pada

masa ini. Namun begitu, saya yakin Kerajaan Negeri mampu dan bersedia untuk melaksanakannya, memandangkan pelbagai polisi dan usaha lain yang melibatkan golongan anak muda dan wanita telah pun diperkasakan atau dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Sebagai alternatif, Kerajaan Negeri juga boleh bekerjasama dengan pihak swasta/korporat melalui program CSR mereka agar pengurusan kos serta kelestariannya tidak menjadi satu kekangan dalam memperkasakan usul ini yang bukan sahaja satu usul yang penting kepada golongan wanita dan perempuan tetapi juga kepada insitusi kekeluargaan .

Kerajaan Negeri boleh kerjasama dengan semua sekolah kerajaan rendah ,menengah dan khas dalam pelaksanaannya untuk memastikan semua pelajar perempuan dari golongan B40 di sekolah kerajaan mendapat kelengkapan haid secara percuma. Melalui kerjasama ini, Kerajaan Negeri juga membuka ruang dan membantu semua sekolah kerajaan untuk memainkan peranan penting dalam mempromosikan budaya positif mengenai kemiskinan haid serta membina persekitaran yang positif di kalangan warga sekolah. . Pada masa yang sama , stigma mengenai haid juga dapat dikurangkan dan sekolah menjadi satu tempat yang lebih inklusif.

Tuan Yang di-Pertua & Ahli-Ahli Dewan Yang Saya Hormati,

Ingin juga saya nyatakan disini, dengan menyediakan kelengkapan haid secara percuma di sekolah, kita juga selangkah lebih dekat kepada kesaksamaan pendidikan, dengan izin *educational equality* dan Kerajaan Negeri sentiasa komited ke arah kesaksamaan pendidikan untuk semua. Selain itu, pemberian kelengkapan haid secara percuma di sekolah akan memberi keyakinan kepada pelajar khususnya dari golongan B40 bahawa kelengkapan haid tersedia di sekolah dan secara langsung mengurangkan stigma kebimbangan dan ketidakselesaan di kalangan pelajar agar golongan ini juga boleh fokus kepada pembelajaran , sukan dan aktiviti harian sekolah seperti biasa. Kos sara hidup keluarga B40 juga dapat diringankan.

Tuan Yang di-Pertua & Ahli-Ahli Dewan Yang Saya Hormati,

Kemiskinan Haid ini adakalanya mendapat perhatian daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis masyarakat di Malaysia, namun pemerkasannya diperlukan, sudah tiba masanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil langkah pertama dan proaktif dalam memperkasakan golongan pelajar-pelajar perempuan dari keluarga B40 ini dengan menyediakan kelengkapan haid secara percuma.

Dengan ini, saya meminta sokongan daripada semua Ahli-Ahli Dewan Yang Berhormat untuk menyokong dan meluluskan usul ini.

Sekian Terima Kasih.

J. Karen Kasturi

EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam

Sidang Muda 2021

